

# Pak Lah sakit hati lihat sungai tercemar

**K**UALA MUDA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sakit hati melihat kotoran dan pencemaran sungai yang berpunca daripada perbuatan golongan tidak bertanggungjawab.

Perdana Menteri berkata, akibat perbuatan manusia air sungai berubah daripada jernih suatu ketika dulu kepada kepada warna kopi susu sehingga tiada hidupan air dapat hidup.

"Kalau tauk (campak) anak buaya (ke dalam sungai), dua minit mesti mati.

"Masalah pencemaran sungai juga memberi kesan yang teruk kepada penduduk berhampiran, khususnya nelayan yang terjejas teruk apabila tangkapan ikan, udang dan ketam berkurangan.

"Jika dulu di sungai kita boleh menangkap ikan, udang atau ketam secara percuma sama ada oleh penduduk kampung untuk dijadikan makanan dan sumber protein kini semuanya tiada lagi," katanya ketika berucap merasmikan Program Menanam Pokok Bakau di Persisiran Pantai Negara Peringkat Kebangsaan di Kampung Baru Pulau Sayak, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Perdana Menteri kemudian turut menyampaikan sumbangan anak pokok bakau kepada wakil kerajaan setiap negeri bagi membolehkan penanamannya diperluaskan di seluruh negara.

Abdullah juga meminta semua pihak supaya menjaga khazanah alam semula jadi dan tidak merosakkan sumber itu semata-mata atas nama pembangunan.

Sementara itu, di **KEPALA BATAS** Perdana Menteri berkata, beliau akan meneliti memorandum bantahan cadangan projek pembinaan empangan bagi pemindahan air dari Pahang ke Selangor yang dihantar pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Rabu lalu.

Abdullah berkata, beliau maklum mengenai memorandum yang dihantar ke pejabatnya tiga hari lalu dan akan membaca dan menelitinya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan penjenamaan semula Kolej Komuniti di Dewan Milenium di sini semalam.

Abdullah diminta mengulas memorandum bantahan Projek Penyaluran Air Mentah Antara Negeri dari Pahang ke Selangor (Pahang-Selangor ISRWT) yang dihantar Badan Bertindak Pemuliharaan Hutan Simpan Lakum.

Memorandum yang ditandatangani lebih 5,000 penduduk, diserahkan pengerusi badan itu, Zubir Harun kepada Setiausaha Sulit Kanan Perdana Menteri, Ahmad Yaakob di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.